

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELAKSANAAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN
SEBELUM MASUK KE PREMIS INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada pengumuman Menteri Kanan Pertahanan pada 8 Februari 2022 berkaitan pemansuhan prosedur operasi standard (SOP) pemeriksaan suhu badan dan buku rekod mendaftar masuk ke mana-mana premis berkuat kuasa mulai 11 Februari 2022.

Sehubungan dengan itu, KPM memaklumkan bahawa mulai 11 Februari 2022, pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis institusi pendidikan bawah KPM adalah tidak diwajibkan. Namun, semua guru, anggota kumpulan pelaksana (AKP), pekerja perkhidmatan sokongan dan pelawat masih diwajibkan untuk mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera sebelum memasuki premis institusi pendidikan bawah KPM.

Sebagai langkah keselamatan, ibu bapa/penjaga dimohon untuk memastikan anak/anak jagaan berada dalam keadaan sihat dan tidak bergejala sebelum hadir ke sekolah. Murid yang bergejala atau

mempunyai ahli keluarga yang disahkan positif COVID-19 serta tinggal serumah adalah tidak dibenarkan untuk hadir ke sekolah.

Tahap kesihatan murid semasa berada di sekolah akan dipantau secara berterusan bagi memastikan murid yang bergejala diasingkan di bilik isolasi untuk tindakan selanjutnya.

KPM juga menyarankan agar ketetapan ini turut terpakai di semua institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
10 FEBRUARI 2022